

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT YANG
KETIGA BELAS, PENGGAL KETIGA, MESYUARAT KETIGA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TONY PUA KIAM WEE
[PETALING JAYA UTARA]**

TARIKH : 29 OKTOBER 2015

SOALAN :

TONY PUA KIAM WEE [PETALING JAYA UTARA] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sebab Felda Global Venture Holdings akan meneruskan pembelian 37% syarikat Eagle High Plantations dengan harga Rp775 setiap saham walaupun nilai pasaran adalah hanya sekitar Rp250 hari ini. Apakah sebabnya FGVH membayar wang deposit sebanyak 23% nilai pembelian sebelum perjanjian dimuktamadkan.

JAWAPAN: YB DATO' RAZALI BIN IBRAHIM,

TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memandangkan keadaan pasaran yang tidak menentu, FGV telah mengambil langkah tambahan bagi memastikan pembelian berkenaan akan memberi nilai kepada pemegang saham dan juga pihak berkepentingan.

FGV tidak boleh mendedahkan sebarang maklumat rundingan pembelian disebabkan telah termaktub dalam perjanjian iaitu tidak boleh mendedahkan atau '*non-disclosure agreement (NDA)*' sehingga keputusan akhir dibuat. Pada masa yang sama, tiada sebarang pembayaran deposit dibuat oleh FGV setakat ini.

Sebagai sebuah syarikat senaraian awam di Bursa Malaysia, sebarang keputusan melibatkan urusan perniagaan syarikat akan dilaporkan melalui badan tersebut selaras dengan amalan tadbir urus korporat.

Sekian. Terima kasih.